

# Kata Nama

## NOTA BESTARI



Kata nama digunakan untuk menyebut sesuatu yang bernyawa atau tidak bernyawa secara umum. Kata nama terbahagi kepada dua, iaitu, kata nama am dan kata nama khas. **Kata nama am** ialah kata yang merujuk kepada benda, manusia, haiwan, dan tumbuhan secara umum. Contohnya, kawan, kucing, sangkar, nasihat, malaikat, ketua, dan sebagainya. **Kata nama khas** ialah kata yang merujuk kepada benda, manusia, haiwan, dan tumbuhan secara khusus. Contohnya, Si Tompok, Klinik Haiwan Manja, Doktor Munirah, Proton Iriz, dan sebagainya. Kata nama am ditulis dengan **huruf kecil**, kecuali pada permulaan ayat. Kata nama khas pula mesti ditulis dengan **huruf besar** pada permulaan kata.

Hai, semua kawan! Nama saya Ikhmal. Ini kucing saya, Tompok. Saya letakkan Tompok di dalam sangkar.



Apabila Tompok sakit, saya membawanya ke Klinik Haiwan Manja. Doktor Munirah merawat Tompok. Beliau memberikan nasihat kepada saya agar menjaga Tompok dengan baik.

## Kesilapan Lazim



### Salah

1. saya hendak pergi ke muzium negara.
2. burung itu dipelihara oleh pak zami.

### Betul

1. Saya hendak pergi ke Muzium Negara.
2. Burung itu dipelihara oleh Pak Zami.

# Kata Ganti Nama Diri

## NOTA BESTARI



Kata ganti nama diri ialah kata yang digunakan untuk menggantikan nama seseorang. Kata ganti nama diri terbahagi kepada tiga, iaitu:

- (a) Kata ganti nama diri pertama
- (b) Kata ganti nama diri kedua
- (c) Kata ganti nama diri ketiga

### Kata Ganti Nama Diri Pertama



aku  
beta  
hamba  
patik  
saya

kami



kita

### Kata Ganti Nama Diri Kedua



anda  
awak  
engkau  
kamu  
tuanku



kalian

### Kata Ganti Nama Diri Ketiga



baginda  
beliau  
dia  
ia

## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Mereka-mereka sedang mendengar ucapan daripada guru besar.
2. Ianya mengakui kesilapannya lalu meminta maaf.
3. • Anjing itu menyalak apabila ianya melihat pencuri.  
• Anjing itu menyalak apabila ia melihat pencuri.

### Betul


1. Mereka sedang mendengar ucapan daripada guru besar.
2. Ia mengakui kesilapannya lalu meminta maaf.
3. Anjing itu menyalak apabila melihat pencuri.

# Kata Kerja



## NOTA BESTARI

Berjalan, berlari, bermain, bersenam, dan berbual antara contoh kata kerja tak transitif. Kata kerja ini tidak memerlukan objek sebagai penyambut selepasnya.



Mencuci, memotong, dan membaca antara contoh kata kerja transitif. Kata kerja ini memerlukan objek sebagai penyambut selepasnya, seperti kasut, rumput, dan buku.




# Kata Adjektif



## NOTA BESTARI



Gembira, sedih, takut, dan sakit ialah contoh kata adjektif. Kata adjektif menerangkan sifat orang atau sesuatu haiwan, benda, dan tempat. Kata adjektif boleh digunakan bersama-sama kata penguat seperti amat, nian, sangat, sungguh, paling, dan sebagainya.



Contoh penggunaan kata adjektif dalam ayat adalah seperti yang berikut:

Puteri raja itu sungguh cantik. Rambutnya panjang mengurai. Baju kebaya yang dipakainya dihiasi sulaman yang sangat halus. Pakaian yang diperbuat daripada kain sutera itu berwarna merah jambu dan mahal harganya. Ramai orang terpegun dan leka memandang raut wajah puteri yang jelita itu.



## Kesilapan Lazim



Salah	Betul
1. Markah Haida tertinggi sekali dalam kelasnya.	• Markah Haida <b>tertinggi</b> dalam kelasnya. • Markah Haida <b>tinggi sekali</b> dalam kelasnya.
2. Rumahnya paling terbesar di Kampung Jentayu.	Rumahnya <b>paling besar</b> di Kampung Jentayu.

# Kata Hubung

## NOTA BESTARI



Kata hubung ialah kata yang digunakan untuk menggabungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa, dan ayat dengan ayat. Antara contoh kata hubung ialah atau, dan, hingga, jika, lalu, jika, kerana, sambil, tetapi, dan sebagainya. Lihat penggunaan kata hubung berdasarkan gambar ini.

1. Amani dan Zaida beratur untuk membeli makanan di kantin.
2. Hadifah sedang makan mi sup atau nasi lemak?
3. Jayaraman tidak membeli makanan di kantin kerana membawa bekalan dari rumah.
4. Fitri berjalan sambil berbual dengan Navin.



## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Marina memberitahu saya yang dia sakit gigi.
2. Cikgu Nora keluar dari bilik guru bila loceng berbunyi.
3. Farid tidak ke sekolah hari ini oleh kerana dia demam.
4. Pengawal keselamatan yang menjaga bangunan itu bertugas hingga ke pagi.

### Betul

1. Marina memberitahu saya bahawa dia sakit gigi.
2. Cikgu Nora keluar dari bilik guru apabila loceng berbunyi.
3. Farid tidak ke sekolah hari ini kerana dia demam.
4. Pengawal keselamatan yang menjaga bangunan itu bertugas hingga pagi.

# Kata Sendi Nama

## NOTA BESTARI



Kata sendi nama ialah kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan perkataan atau frasa lain. Lihat contoh penggunaan kata sendi nama yang berikut.

1. Hasnol sibuk memotong kek **untuk** tetamu.
2. Encik Lutfi menyusun gelas-gelas yang diperbuat **daripada** kaca di atas dulang.
3. Nenek Rahmah menghulurkan semanguk mi goreng kepada Izzah.
4. Puan Hafsa memotong timun **dengan** pisau yang tajam.



## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Kerusi itu diperbuat dari kayu jati.
2. Encik Kasim berasal **daripada** Singapura.
3. Para perajurit itu berjuang **demi** untuk memelihara kedaulatan negara.
4. Banyak orang pulang ke kampung halaman **di** hari raya.
5. Ayah tidak sihat **sejak** dari semalam.
6. Petani itu bekerja dari pagi **hingga** ke petang.
7. Kamu hendak **ke** kedai atau pasar?
8. Bunga itu dihadiahkannya **bagi** ibu.
9. Mereka sependapat **di** dalam hal itu.
10. Perbalahan **di** antara kedua-dua pihak itu telah berjaya diatasi.

### Betul

1. Kerusi itu diperbuat **daripada** kayu jati.
2. Encik Kasim berasal **daripada** Singapura.
3. • Para perajurit itu berjuang **demi** memelihara kedaulatan negara.  
• Para perajurit itu berjuang **untuk** memelihara kedaulatan negara.
4. Banyak orang pulang ke kampung halaman **pada** hari raya.
5. Ayah tidak sihat **sejak** semalam.
6. • Petani itu bekerja dari pagi **hingga** petang.  
• Petani itu bekerja dari pagi ke petang.
7. Kamu hendak **ke** kedai atau ke pasar?
8. Bunga itu dihadiahkannya **untuk** ibu.
9. Mereka sependapat **dalam** hal itu.
10. Perbalahan **antara** kedua-dua pihak itu telah berjaya diatasi.

# Kata Tanya

## NOTA BESTARI



Kata tanya ialah kata yang digunakan untuk menanyakan benda, binatang, orang, tempat, masa, keadaan, dan sebagainya. Kata tanya mesti disertai partikel -kah jika berada pada permulaan ayat. Kata tanya digunakan untuk membentuk ayat tanya.

Saya Mei Ling. Siapakah nama kamu? Kamu tinggal di mana?

Nama saya Marlia. Saya tinggal di Taman Kenari.



Berapakah umur kamu?  
Apakah hobi kamu? Kamu ke sini dengan siapa?

Umur saya 11 tahun. Saya suka membaca buku cerita. Saya datang dengan kakak saya. Dia di sana.

Mengapakah kaki kamu cedera?  
Bagaimanakah perkara itu berlaku?



Saya terjatuh ketika berlari di padang. Sebelum terjatuh, saya tersepak seketul batu yang besar.



## Kesilapan Lazim



Salah	Betul
1. Siapakah nama kucing peliharaan kamu?	1. Apakah nama kucing peliharaan kamu?
2. Keadaan nenek kamu sekarang bagaimanakah?	2. Keadaan nenek kamu sekarang bagaimana?

# Kata Seru

## NOTA BESTARI



Kata seru ialah kata yang digunakan untuk menyatakan perasaan seseorang seperti hairan, terkejut, marah, dan sebagainya. Kata seru digunakan untuk membina ayat seruan. Antara contoh kata seru ialah aduh, aduhai, amboi, ah, eh, hai, nah, oh, wah, wahai, dan sebagainya. Semua tanda seru dalam ayat seruan mestilah diletakkan di hujung ayat, bukannya selepas kata seru. Semua ayat seruan ditandai dengan tanda seru (!). Lihatlah beberapa contoh penggunaan kata seru yang berikut.



## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Ah, sakitnya tangan saya!
2. Eh, cantik sungguh puteri raja itu!

### Betul

1. Aduh, sakitnya tangan saya!
2. Wah, cantik sungguh puteri raja itu!

# Kata Perintah



## NOTA BESTARI

Kata perintah ialah kata yang digunakan untuk menyuruh, meminta, mempersilakan, atau melarang seseorang berbuat sesuatu. Contoh kata perintah ialah harap, jangan, jemput, minta, sila, tolong, dan usah. Lihatlah contoh penggunaan kata seru yang berikut.



Sila duduk, Puan Su. Jemput makan kuih ini. Janganlah malu-malu pula.



## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Harap tutup dan kunci pintu itu.
2. Sila jangan buang sampah merata-rata.
3. Sila jemputlah duduk di kerusi itu.
4. Minta tolong kamu ke kedai sebentar.

### Betul

1. Tolong tutup dan kunci pintu itu.
2. Jangan buang sampah merata-rata.
3. Jemputlah duduk di kerusi itu.
4. Minta kamu ke kedai sebentar.

# Kata Bantu



## NOTA BESTARI



Kata bantu ialah kata tugas yang membantu predikat ayat dengan menerangkan kata kerja dalam ayat. Biasanya, kata bantu hadir sebelum frasa kerja, frasa adjektif, dan frasa sendi nama. Kata bantu terbahagi kepada dua, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Kata bantu aspek berkaitan dengan masa. Contohnya belum, sudah, pernah, masih, dan sebagainya. Kata bantu ragam pula berkaitan dengan perasaan dan perbuatan. Contohnya, hendak, muhu, ingin, boleh, dapat, harus, mesti, dan sebagainya.

**IKRAR SAYA**

1. Saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh.
2. Saya mesti menghormati ibu bapa, guru-guru, dan orang yang lebih tua.
3. Saya perlu menjaga kebersihan di dalam dan luar rumah.
4. Saya hendak menjadi orang yang Berguru.
5. Saya muhu menjadi anak yang baik di rumah dan murid yang baik di sekolah.
6. Saya harus taat akan ibu bapa saya.

## Kesilapan Lazim



Salah	Betul
1. Adik saya boleh membaca ketika berusia tiga tahun.	1. Adik saya dapat membaca ketika berusia tiga tahun.
2. Pengunjung zoo itu dapat memberi makanan kepada haiwan yang jinak.	2. Pengunjung zoo itu boleh memberi makanan kepada haiwan yang jinak.

# Kata Arah



## NOTA BESTARI



Kata arah ialah kata yang digunakan untuk menunjukkan arah seseorang atau sesuatu. Kata arah diletakkan selepas kata sendi nama. Antara contoh kata arah ialah atas, bawah, antara, hujung, timur, barat, kiri, kanan, tengah, tepi, dalam, luar, dan sebagainya.



## Kesilapan Lazim



### Salah

Adik berdiri antara ayah dengan ibu semasa kami merakamkan foto keluarga di kedai gambar.

### Betul

Adik berdiri **di antara** ayah dengan ibu semasa kami merakamkan foto keluarga di kedai gambar.

# Kata Ganda

## NOTA BESTARI

Kata ganda ialah perkataan yang diulang atau digandakan, sama ada sebahagian atau seluruhnya. Kata ganda mesti disertai dengan tanda sempang di tengah-tengahnya. Terdapat empat jenis kata ganda, iaitu:

- (a) kata ganda seluruh
- (b) kata ganda separa
- (c) kata ganda berentak
- (d) kata ganda berimbuhan



## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Mereka saling bersalam-salamapn apabila bertemu.
2. Ucapannya diselang-selikan dengan lawak jenaka supaya pendengar tidak berasa bosan.

### Betul

1. Mereka saling bersalam-salamapn apabila bertemu.
2. Ucapannya diselang-selikan dengan lawak jenaka supaya pendengar tidak berasa bosan.

# Kata Bilangan

## NOTA BESTARI



Kata bilangan ialah kata yang digunakan untuk menyatakan bilangan sesuatu benda. Kata bilangan terbahagi kepada enam jenis, iaitu:

- Kata bilangan tentu – contohnya satu, tiga, lima belas, dan lain-lain
- Kata bilangan tak tentu – contohnya beberapa, para, segala, semua, pelbagai, seluruh, sesetengah, ratusan, dan lain-lain
- Kata bilangan pisahan – contohnya setiap, tiap-tiap, masing-masing, dan lain-lain
- Kata bilangan pecahan – contohnya satu per dua, dua per lima, dan lain-lain
- Kata bilangan himpunan – contohnya kedua-dua, ketiga-tiga, keempat-empat, dan lain-lain
- Kata bilangan tingkat – contohnya pertama, kedua, kesebelas, kedua puluh, dan lain-lain

Lihatlah penggunaan kata bilangan yang berikut.



### Kesilapan Lazim



#### Salah

- Kedua murid itu kembar.
- Setengah orang tidak menggemari durian.
- Semua guru-guru sedang bermesyuarat.

#### Betul

- Kedua-dua murid itu kembar.
- Sesetengah orang tidak menggemari durian.
- Semua guru sedang bermesyuarat.

# Penjodoh Bilangan



## NOTA BESTARI

Penjodoh bilangan digunakan di hadapan kata untuk menguatkan aspek bilangan benda, orang, haiwan, tempat, dan sebagainya. Terdapat juga penjodoh bilangan yang disertai oleh kata bilangan. Lihatlah contoh penjodoh bilangan yang berikut.



## Kesilapan Lazim



### Salah

1. Azim mengalami sebuah mimpi yang menakutkan malam tadi.
2. Semua orang murid tidak dibenarkan berbuat bising di dalam perpustakaan.
3. Kebakaran itu telah memusnahkan seluruh buah banglo itu.

### Betul

1. Azim mengalami mimpi yang menakutkan malam tadi.
2. Semua murid tidak dibenarkan berbuat bising di dalam perpustakaan.
3. Kebakaran itu telah memusnahkan seluruh banglo itu.

# Pengimbuhan



## NOTA BESTARI

Pengimbuhan ialah proses menerbitkan kata dengan mencantumkan imbuhan dengan kata dasar. Pengimbuhan membentuk kata terbitan. Terdapat empat jenis imbuhan, iaitu:

- (a) Imbuhan awalan
- (b) Imbuhan akhiran

- (c) Imbuhan apitan
- (d) Imbuhan sisiran



## Kesilapan Lazim

Salah	Betul
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Dina di bantu oleh abangnya semasa menyiapkan kerja rumah.</li><li>2. Adik sangat sayangkan kucingnya.</li><li>3. Kempen anti-dadah di sekolah itu diadakan selama seminggu.</li><li>4. Ayah mengcat pagar rumah untuk menyambut hari raya.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Dina dibantu oleh abangnya semasa menyiapkan kerja rumah.</li><li>2. Adik sangat sayang akan kucingnya.</li><li>3. Kempen antidadah di sekolah itu diadakan selama seminggu.</li><li>4. Ayah mengecat pagar rumah untuk menyambut hari raya.</li></ol>

# Penanda Wacana



## NOTA BESTARI

Penanda wacana ialah rangkaian kata yang menghubungkan idea antara ayat pertama dengan ayat yang kedua. Terdapat beberapa penanda wacana seperti yang berikut.

- Pertama sekali
- Misalnya
- Di samping itu
- Selain itu
- Dalam pada itu
- Tambahan pula
- Lebih-lebih lagi
- Seterusnya
- Sementara itu
- Kebelakangan ini
- Pendek kata
- Namun begitu



Contoh penanda wacana yang lain ialah:

- Oleh itu
- Akhir sekali
- Kesimpulannya
- Lantaran itu
- Antaranya
- Maka
- Jelaslah bahawa
- Dengan itu



## Kesilapan Lazim



Salah	Betul
<ol style="list-style-type: none"><li>1. Masalah ini sangat serius. Oleh kerana itu, kita perlu menyelesaiannya segera.</li><li>2. Adik suka makan pisang. Selain daripada itu, dia suka makan jagung rebus.</li><li>3. Pihak polis giat memburu penjenayah itu. Ini kerana dia sangat berbahaya.</li><li>4. Banjir kilat sering berlaku di bandar itu. Justeru itu, pihak berkuasa membersihkan longkang supaya air dapat mengalir dengan deras.</li></ol>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Masalah ini sangat serius. Oleh sebab itu, kita perlu menyelesaiannya segera.</li><li>2. Adik suka makan pisang. Selain itu, dia suka makan jagung rebus.</li><li>3. Pihak polis giat memburu penjenayah itu. Hal ini demikian kerana dia sangat berbahaya.</li><li>4. Banjir kilat sering berlaku di bandar itu. Oleh itu, pihak berkuasa membersihkan longkang supaya air dapat mengalir dengan deras.</li></ol>

# Ayat

## NOTA BESTARI

Ayat ialah susunan perkataan yang dibina untuk menyampaikan sesuatu maksud. Ayat terdiri daripada subjek dan predikat. Ayat juga terbahagi kepada beberapa bentuk dan jenis.



Subjek	Predikat
1. Azim	berjalan kaki ke sekolah.
2. Lelaki itu	memakai baju berwarna biru.

### Bentuk ayat

Ayat aktif : Puan Rosni menyusun pasu-pasu bunga.

Ayat pasif : Pasu-pasu bunga disusun oleh Puan Rosni.



Ayat tunggal : Roy sedang bermain bola.

Ayat majmuk : Roy dan Faiz sedang bermain bola.



### Jenis ayat

Ayat penyata : Vivian membeli sejambak bunga.

Ayat seruan : Wah, cantiknya jambangan bunga itu!

Ayat tanya : Berapakah harga sejambak bunga itu?

Ayat perintah : Tolong belikan ibu sejambak bunga.



### Kesilapan Lazim



Salah	Betul
1. Kasut itu belum Zara cuci.	1. Kasut itu belum dicuci oleh Zara.
2. Buku-buku ini harus disusun oleh awak.	2. Buku-buku ini harus awak susun.
3. Kereta Encik Jamil yang merah itu.	3. Kereta merah itu ialah kereta Encik Jamil.

# Cakap Ajuk dan Cakap Pindah




## NOTA BESTARI



Cakap ajuk ialah percakapan seseorang yang ditulis semula tanpa sebarang pindaan. Cakap ajuk dimulakan dengan tanda pembuka kata dan diakhiri dengan penutup kata ("...").

Cakap pindah ialah percakapan yang dilaporkan semula tanpa mengubah maksudnya. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi struktur dan susunan perkataan dalam ayat tersebut. Lihatlah contoh-contoh yang berikut.



Saya akan berpindah ke Johor pada bulan depan.



Zain memberitahu saya bahawa dia akan berpindah ke Johor pada bulan depan.

# Simpulan Bahasa



## NOTA BESTARI



Simpulan bahasa ialah bentuk peribahasa yang paling mudah. Biasanya simpulan bahasa terdiri daripada dua patah kata dan mempunyai maksud yang berlainan sama sekali daripada makna asal perkataan tersebut. Dengan kata lain, simpulan bahasa merupakan ungkapan yang mempunyai maksud tersirat.



# Peribahasa



## NOTA BESTARI

Peribahasa ialah susunan kata yang mempunyai maksud tertentu, yang biasanya merujuk kepada maksud berkias, berlapik, atau tersirat. Maksud peribahasa biasanya berkaitan dengan sikap dan kelakuan manusia. Sikap ini biasanya digambarkan dengan pelbagai situasi yang berkaitan dengan benda, haiwan, dan tumbuhan. Secara umumnya, peribahasa bertujuan untuk memberikan pengajaran, teladan, dan teguran secara sopan. Peribahasa dapat dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan, dan pepatah. Antara peribahasa yang sesuai dengan situasi di bawah ialah:

- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat

